

23 JUL 1999

Mahathir-Kamaruddin

KAMARUDDIN ADA NIAT LAIN SERTA PAS

KOTA BAHARU, 23 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan keraguannya berhubung tindakan bekas Ketua Umno bahagian Tumpat Datuk Kamaruddin Jaafar menyertai PAS, yang mungkin berniat untuk cuba mengembangkan pengaruh sokongan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata perkara seperti itu pernah berlaku dalam Umno semasa Anwar diterima masuk ke dalam parti itu sedangkan beliau mempunyai hasrat lain.

"Saya khuatir dengan orang yang semacam ini, dia masuk dengan niat yang lain. Bila saya terima Datuk Seri Anwar ke dalam Umno saya percaya dia akan menerap nilai-nilai Umno, hasrat Umno, tetapi nampak dia bawa pendapat lain.

"Dia nak tawan Umno dari dalam, jadi mungkin strategi ini terdapat juga kepada orang seperti Kamaruddin Jaafar ini," katanya pada sidang berita bagi mengakhiri lawatan rasminya ke Kelantan selama dua hari, hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian ketika ditanya berhubung kemasukan Kamaruddin -- yang dianggap kawan rapat Anwar -- ke dalam PAS pada Selasa lepas yang berkemungkinan untuk membawa pengaruh ABIM ke dalam Pas.

Kamaruddin sebelum ini diura-urakan menyertai Parti Keadilan Nasional (Keadilan) selepas beliau dipecat daripada Umno oleh Majlis Tertinggi Umno baru-baru ini.

Perdana Menteri berkata bagaimanapun langkah Kamaruddin itu boleh membantu Umno pada pilihan raya umum akan datang.

"Baguslah kalau dia (Kamaruddin) boleh buat macam itu kepada Pas. Insya-Allah, kita (Umno) akan menang," katanya.

-- BERNAMA

RAR NMO